

02/06/2004

Petikan

"KALAU YB cakap macam tu masa PM keempat (Tun Dr Mahathir Mohamad), mungkin YB Kinabatangan dah tak ada dalam Dewan ini." - Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad mengusik Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) yang mencadangkan doktor pakar tidak memegang jawatan politik.

"SAYA dengar di sebuah masjid di Selangor masih baca khutbah (zaman) 1940-an kerana doanya minta lanjutkan usia Sultan Abdul Hamid Istanbul, tak up to date... itu bukan raja di Malaysia, itu di Turki." - Ismail Noh (Pas-Pasir Mas) dalam soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim.

"MINTA Timbalan Menteri ajar sikit cakar harimau ni, kalau boleh buat demonstrasi kerana kita nak belajar supaya aman tenteram rumah tangga." - Datuk Mohamed Aziz (BN-Sri Gading) mencelah ketika Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G Palanivel menggulung perbahasan.

(END)